

IUJ anugerah Dr M Ijazah Doktor Kehormat

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam di-anugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh Universiti Antarabangsa Jepun (IUJ) bagi menghargai kepemimpinan dan sumbangannya kepada hubungan Malaysia-Jepun.

Presiden IUJ, Hiroyuki Itami, yang menyampaikan anugerah berkenaan, menyuarakan harapan supaya ia akan terus memacu peluang kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan universiti itu, khususnya dalam sektor pendidikan.

Pengiktirafan itu juga, katanya, antara lain memperakui kejayaan serta sumbangan Dr Mahathir selaku perintis Dasar Pandang ke Timur yang menyaksikan ramai pegawai kerajaan dari Malaysia berpeluang menimba ilmu di IUJ.


Menyifatkan Dr Mahathir se-

bagai Perdana Menteri paling berpengalaman dan unik di dunia, beliau berkata, peluang untuk memberikan ijazah berkenaan kepada tokoh itu adalah sesuatu yang istimewa dan seumpamanya buat IUJ.

“Tidak dapat dinafikan, ramai golongan muda dari Malaysia yang melanjutkan pelajaran ke Jepun memberikan sumbangan signifikan terhadap pembangunan Malaysia menerusi dasar ini (Dasar Pandang ke Timur).

“Tahun lalu, IUJ melancarkan Ijazah Sarjana Pengajian Pembangunan Global-Jepun dengan sokongan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun. Ini evolusi dan pembangunan pendidikan tinggi hasil Dasar Pandang ke Timur dirintis Dr Mahathir.

“Susulan penganugerahan ini, IUJ akan menerima golongan muda yang bakal menjadi pemimpin



Dr Mahathir menerima ijazah Doktor Kehormat daripada Itami, semalam.

[FOTO BERNAMA]

tertinggi di Malaysia pada masa depan, sekali gus memacu ruang kerjasama kedua-dua negara,” katanya.

Ketika menyampaikan ucapan penerimaan, Dr Mahathir berkata, beliau sekadar menjalankan tugasnya sebagai pemimpin dan berjaya melihat rangkaian kemajuan dilakar Malaysia.

“Mana-mana pemimpin, jika diberi peluang dan kuasa, akan melakukan apa yang saya lakukan. Malaysia negara pertanian yang miskin, tetapi kerana keperluan mewujudkan pekerjaan, kami perlu membina infrastruktur untuk itu.

“Saya berterima kasih kerana diberi pengiktirafan dalam melakukan sesuatu yang dianggap luar biasa (mengubah negara pertanian menjadi negara perindustrian) dan melaksanakan tugas sebagai pemimpin,” katanya.